

# **SURAU AL-MUQARRABIN BANDAR PUNCAK ALAM.**

LOT 13836, JALAN ALAM SURIA, 16/60, FASA 5A5, SEKSYEN 16,  
42300 BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR

## **BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-MUQARRABIN (BKKSM) BANDAR PUNCAK ALAM**

**Terma-terma dan syarat-syarat untuk keahlian tahun 2024:**

### **1. Keahlian**

Ketua keluarga(suami atau isteri) serta orang perseorangan yang **menetap di ALAM SURIA** sahaja (samada mastautin atau menyewa) merangkumi fasa-fasa 5A3, 5A5, 5A6, 5A7 dan Ambang Suria sahaja.

### **2. Definasi Ahli**

Bermastautin di **Alam Suria Fasa 5A3, 5A5, 5A6, 5A7 dan Ambang Suria** Bandar Puncak Alam. **Ahli Aktif** adalah ahli yang memperbaharui keahliahan untuk tahun itu.

### **3. Tanggungan • Suami/Isteri atau Isteri-isteri**

Suami/isteri atau isteri-isteri(yang menetap di Alam Suria sahaja dan telah di daftarkan dalam borang khairat atau kemaskini maklumat)

#### **• Anak-anak:**

##### **(i) Anak**

Anak atau anak-anak ahli yang berumur 23 tahun ke bawah

##### **(ii) Anak tiri**

Anak atau anak-anak seorang janda atau duda yang dikahwini oleh ahli.(telah di daftarkan dalam borang khairat atau kemaskini maklumat)

##### **(iii) Anak angkat**

Anak atau anak-anak yang dibela sejak kelahirannya dan disahkan status anak tersebut.

##### **(iv) Anak anak OKU**

Anak anak OKU yang tinggal di Kariah Surau Al-Muqarrabin ditanggung sepenuhnya oleh badan Khairat dengan mendapat manfaat ahli khairat (keahlian percuma)

### **4. Ibubapa atau mertua**

Ibubapa atau mertua BUKAN tanggungan ahli. Boleh mendaftar sebagai ahli kepada BKKSM dengan syarat tinggal bersama atau menetap di Alam Suria 5A3, 5A5, 5A6, 5A7 dan Ambang Suria.

### **5. Bayi berumur kurang 6 bulan, Janin yang cukup sifat yang meninggal dunia.**

Untuk bayi yang baru lahir atau berumur kurang daripada 6 bulan, bayaran sumbangan sebanyak RM300 untuk pengurusan jenazah ini. Tiada solat jenazah dan bacaan Tahlil untuk arwah bayi ini.

### **6. Tempoh Perlindungan**

Tempoh perlindungan adalah sah dan diguna pakai sehingga **30hb April 2025**. Pendaftaran keahlian dibuka bermula **01 January 2024** sehingga Tarikh tutup pada **30hb April 2024**.

## 7. Yuran keahlian tahunan dan Manfaat

**Yuran Tahunan Keahlian bagi tahun 2024** adalah **BERKADAR RATA** samada Pembaharuan Keahlian atau Daftar Keahlian Baru , iaitu **RM30.00** sahaja (termasuk tanggungan ahli).

BAYARAN BOLEH DI BUAT MELALUI ONLINE TOYIYBPAY SAHAJA SETELAH MELENGKAPKAN BUTIRAN DI LINK YANG DIBERIKAN DALAM HEBAHAN.

<https://ekhairatalmuqarrabin.com/borang-ekhairat-pendaftaran-khairat-2024/>

**Manfaat: UNTUK AHLI YANG AKTIF SAHAJA.**

Orang yang dilindungi	Umur	Manfaat
Ahli yang berdaftar	Tiada had Umur	RM1000.00

Tanggungan	Umur	Manfaat
Suami/Isteri/Isteri-isteri	Tiada had Umur	RM1000.00
Anak / Anak Tiri / Anak Angkat / Anak OKU	23 Tahun ke bawah	RM1000.00

## 8. Kos/Perbelanjaan Urusan Jenazah

**\*Bagi bukan ahli atau keahlian tidak aktif BKKSM, keseluruhan kos adalah ditanggung oleh waris.**

Urusan	Kos untuk Ahli
Tanah kubur(liang/lahat)*	RM 650.00
Kain kafan serta peralatan	RM 200.00
Mandi jenazah	RM 150.00
Van/kenderaan jenazah	Percuma radius Puncak Alam
Jamuan & tahlil 3 malam di <b>SURAU</b>	Sumbangan BKKSM
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>RM 1000.00</b>

\*Kos tanah kubur telah ditetapkan oleh pihak Tanah Wakaf Perkuburan Masjid Puncak Alam dan MESTI di bayar kepada Bendahari Masjid Puncak Alam pada hari pengebumian tersebut.

**Nota:**

**\*Adik/abang/kakak, ipar, sepupu, datuk dan nenek TIDAK tertakluk di bawah tanggungan, mereka mestilah mendaftar atas nama sendiri dan MESTI menetap di Alam Suria.**

**\*Manfaat ahli adalah tertakluk kepada dana yang terkumpul di dalam simpanan BKKSM. Namun sekiranya dana yang ada tidak mencukupi, pihak AJK BKKSM akan menjalankan tabung kutipan khas daripada ahli BKKSM untuk menampung kos pengurusan jenazah.**